

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, 7 May, 2017 12:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairi Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; 'rohaizadia@gmail.com'
Subject: KELAB DAMAI ONLINE: CARE THE HOMELESS 2.0



7 MEI 2017, AHAD | 10 SYAABAN 1438H



Oleh: Nur Liyana Sagi
Foto: Amirul Ashraf Muhamad

KELAB DAMAI ONLINE: Kelab Dewan Amal Islami Universiti Utara Malaysia (Kelab DAMAI) telah menganjurkan satu program kemasyarakatan yang memfokuskan kepada golongan gelandangan di sekitar bandar Alor Setar yang diketuai oleh pengarah program, Ahmad Rohaizad Abd Rahman.

Program yang merupakan kali kedua diadakan di kawasan berkenaan disertai 19 orang pelajar Universiti Utara Malaysia dan 5 orang ahli badan bukan kerajaan, Kindness Malaysia.

Pihak Kindness Malaysia yang diketuai Mohd Azrul Mohd Razak telah memberi tunjuk ajar dan panduan kepada para peserta mengenai prosedur serta langkah-langkah yang betul bagi mendekati golongan gelandangan supaya tidak berlaku kejadian yang tidak dingini. Program yang bermula sekitar jam 12.30 tengah malam dan fokus utama ialah golongan gelandangan yang berada sekitar bangunan di perkarangan Pekan Rabu lama.

Misi kemasyarakatan diteruskan ke Shahab Perdana yang merupakan antara salah satu lokasi tumpuan golongan gelandangan. Purata jumlah golongan gelandangan sekitar Bandar Alor Setar sekitar 25 orang dan ada antara mereka terdiri daripada kaum wanita dan kanak-kanak.

“Selepas dua kali mengadakan program kemasyarakatan di kawasan berkenaan, dapat kami rumuskan golongan gelandangan merupakan individu yang terdiri daripada warga tua yang dibuang keluarga, golongan yang kurang waras, golongan yang mempunyai pekerjaan tetapi tidak mampu menyewa tempat tinggal dan mereka yang mempunyai krisis dengan keluarga”, ujar Ahmad Rohaizad.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.